

**BERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN BAGI
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG]

SOALAN :

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan liputan perkhidmatan GSM, 3G dan 4G di Malaysia dari tahun 2008 hingga 2014 mengikut pecahan negeri, daerah dan pihak berkuasa tempatan.

JAWAPAN :

Yang Berhormat,

Butiran lanjut kadar liputan perkhidmatan 2G atau GSM (*Global System for Mobile Communication*) mengikut negeri dari tahun 2008 hingga 2014 adalah seperti di Jadual 1. Butiran lanjut kadar liputan perkhidmatan 3G yang telah diperkenalkan mulai tahun 2009 hingga 2014 mengikut negeri adalah seperti di Jadual 2 manakala butiran lanjut kadar liputan perkhidmatan 4G yang baru dilancarkan di Malaysia pada tahun 2013 adalah seperti di Jadual 3.

NO. SOALAN: 332

Jadual 4, 5 dan 6 pula adalah butiran lanjut Liputan Perkhidmatan 2G atau GSM, Liputan Perkhidmatan 3G dan Liputan Perkhidmatan 4G mengikut Daerah. Pihak Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) membuat pengumpulan data tidak berdasarkan persempadanan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sehubungan itu, Kementerian tidak mempunyai butiran lanjut kadar liputan perkhidmatan mengikut PBT.

Jadual 1 – Liputan Perkhidmatan 2G atau GSM Mengikut Negeri

PERATUS LIPUTAN PERKHIDMATAN 2G / GSM							
NEGERI	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014
Johor	98.1	98.3	98.7	98.8	98.8	98.8	99.1
Kedah	98.4	98.6	98.5	98.5	98.0	98.5	97.7
Kelantan	97.1	97.3	97.4	97.5	97.5	97.6	97.7
Melaka	99.8	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
N.Sembilan	96.1	96.2	97.6	97.8	97.6	97.4	97.6
Pahang	93.5	94.4	94.8	95.2	95.5	95.6	95.5
Perak	97.0	97.7	97.7	97.6	96.9	97.5	96.6
Perlis	99.9	99.9	99.9	99.9	99.8	100.0	99.1
P.Pinang	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0	100.0
Sabah	79.1	80.9	81.4	83.7	86.1	85.5	85.4
Sarawak	65.8	68.6	72.1	73.5	73.0	73.2	73.8
Selangor	98.5	98.8	98.9	98.6	98.5	98.7	98.6
Terengganu	97.5	97.7	98.1	98.6	98.4	98.6	98.5